



PEKELILING PERKHIDMATAN UMT BILANGAN 4 TAHUN 2018

BAYARAN KHAS AIDILFITRI TAHUN 2018

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan untuk Hari Raya Aidilfitri tahun 2018, yang dikeluarkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2017 yang mana pelaksanaannya diterima pakai di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan beberapa pindaan yang berkaitan.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah memutuskan supaya Bayaran Khas Tahun 2017 sebanyak RM1,000.00 dan Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM500.00 diberi kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di atas keperihatinan Kerajaan menghargai kesetiaan penjawat awam dalam mendokong kemajuan negara serta melaksanakan sistem penyampaian perkhidmatan dengan cekap dan berkesan kepada rakyat.

3. Kerajaan juga bersetuju memberi Bayaran Khas Tahun 2017 sebanyak RM500.00 dan Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM250.00 kepada pesara yang menerima pensyen.

4. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah bagi maksud menjelaskan mengenai kaedah pelaksanaan Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018.

PELAKSANAAN

5. Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM500.00 diberi kepada semua pegawai dengan syarat bahawa pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut pada tahun 2018.

6. Tempoh 30 hari berturut-turut adalah termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018.

PEGAWAI YANG LAYAK

7. Tertakluk kepada perenggan 5 dan 6 di atas, pegawai yang layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 adalah seperti berikut:

7.1 pegawai lantikan tetap, sementara dan *contract of service*¹;

7.2 pegawai yang bercuti bergaji penuh;

7.3 pegawai yang bercuti separuh gaji;

7.4 pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan

7.5 pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya.

8. Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 juga dipanjangkan kepada pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Jawatan Utama B dan ke atas, serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya; dan

¹ Bagi pegawai di bawah *contract for service*, surat edaran berasingan akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

9. Pegawai yang tidak layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 adalah:
- 9.1 pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018;
 - 9.2 pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018; dan
 - 9.3 pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018.

PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN BAYARAN KHAS AIDILFITRI

10. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib ditangguhkan Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 ini. Pegawai hanya layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)

11. Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM500.00 dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang masih berkhidmat pada 7 Jun 2018 dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018.

PESARA

12. Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 kepada pesara yang menerima pencen dan penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen akan dibayar sebanyak RM250.00 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

13. Pegawai yang bersara dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018 layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM500.00 dengan syarat pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh UMT.

14. Pesara yang dilantik semula secara *contract of service* dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018 layak diberi Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM500.00 dengan syarat pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh UMT.

15. Tempoh 30 hari berturut-turut yang dimaksudkan adalah termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018.

PEGAWAI MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN

16. Pegawai yang meninggal dunia dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018 layak diberi Bayaran Khas Tahun 2018 sebanyak RM500.00 dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut.

17. Pembayaran kepada mana-mana penerima pencen terbitan yang layak di bawah undang-undang pencen sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh UMT.

18. Tempoh 30 hari berturut-turut yang dimaksudkan adalah termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 7 Jun 2018.

TARIKH PEMBAYARAN

19. Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 ini akan dibayar pada 7 Jun 2018.

TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN

20. Bagi pegawai yang sedang berkhidmat, pembayaran Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2018 ini adalah tanggungan UMT, manakala bagi pesara, pembayaran tersebut adalah tanggungan Jabatan Perkhidmatan Awam.

TARIKH KUAT KUASA

19. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan iaitu pada 13 Disember 2017.